

LANGKAH CUKAI



MEREALISASI EKONOMI MADANI





Langkah Cukai Belanja 2026



“ Dalam sejarah peradaban manusia, bangsa yang kekal ialah bangsa yang tahu memelihara maruah sambil bersikap terbuka kepada dunia atau mana-mana blok ekonomi atau kuasa, dan keras menyanggah kezaliman tanpa menolak hikmah. ”

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China di Kuala Lumpur pada 27 Mei 2025, satu platform penting yang meletakkan Malaysia di barisan hadapan diplomasi serantau, memperkukuh kerjasama ekonomi, tenaga bersih dan transformasi digital antara ASEAN, Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan China.

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
LAMPIRAN 1	PELUASAN SKOP PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN PEMVAKSINAN
LAMPIRAN 2	SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI BAYARAN YURAN TAMAN ASUHAN ATAU TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK
LAMPIRAN 3	SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI PROGRAM INTERVENSI AWAL ATAU RAWATAN PEMULIHAN ANAK KURANG UPAYA PEMBELAJARAN
LAMPIRAN 4	SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS BAYARAN PREMIUM INSURANS NYAWA, INSURANS PENDIDIKAN DAN INSURANS PERUBATAN
LAMPIRAN 5	PELUASAN SKOP PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN BERKAITAN KELESTARIAN ALAM DAN KESELAMATAN RUMAH
LAMPIRAN 6	PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN BAYARAN FI KEMASUKAN KE PUSAT PELANCONGAN DAN PROGRAM KEBUDAYAAN
LAMPIRAN 7	PENGENAAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS AGIHAN KEUNTUNGAN YANG DITERIMA OLEH PEKONGSI DALAM PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD
LAMPIRAN 8	SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN YANG DITERIMA DARI LUAR MALAYSIA
LAMPIRAN 9	SEMAKAN SEMULA POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN PENYENARAIAAN DI BURSA MALAYSIA
LAMPIRAN 10	LANJUTAN PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN BAGI PERUSAHAAN SOSIAL
LAMPIRAN 11	SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS SKIM SUKUK PELABURAN MAMPAN DAN BERTANGGUNGJAWAB DAN GERAN BON

LAMPIRAN	TAJUK
LAMPIRAN 12	POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS SUMBANGAN BAGI PROGRAM / AKTIVITI INTEGRITI DAN ANTIRASUAH
LAMPIRAN 13	LAYANAN CUKAI BAGI SUMBANGAN ENDOWMEN HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI AWAM
LAMPIRAN 14	SEMAKAN SEMULA DUTI SETEM BAGI PEMILIKAN RUMAH KEDIAMAN OLEH BUKAN WARGANEGARA
LAMPIRAN 15	LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA
LAMPIRAN 16	LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PRODUK PERLINDUNGAN TENANG
LAMPIRAN 17	LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS POLISI INSURANS ATAU SIJIL TAKAFUL DENGAN PREMIUM / SUMBANGAN TAHUNAN BERNILAI KECIL
LAMPIRAN 18	PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS NOTA KONTRAK BAGI TRANSAKSI PEMBELIAN WARAN BERSTRUKTUR
LAMPIRAN 19	LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS NOTA KONTRAK BAGI TRANSAKSI JUAL BELI DANA DAGANGAN BURSA MALAYSIA
LAMPIRAN 20	SEMAKAN SEMULA NILAI AMBANG GAJI BAGI PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS KONTRAK PENGGAJIAN
LAMPIRAN 21	ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN KE ATAS PERBELANJAAN MODAL BAGI LOJI, JENTERA DAN PERALATAN ICT
LAMPIRAN 22	GALAKAN CUKAI BAGI PROJEK KETERJAMINAN MAKANAN
LAMPIRAN 23	GALAKAN CUKAI AUTOMASI SEKTOR PERTANIAN
LAMPIRAN 24	GALAKAN CUKAI BAGI LATIHAN DALAM BIDANG KECERDASAN BUATAN
LAMPIRAN 25	LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PENGKOMERSIALAN HASIL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

LAMPIRAN	TAJUK
LAMPIRAN 26	GALAKAN CUKAI KEPADA PENGENDALI PELANCONGAN
LAMPIRAN 27	POTONGAN CUKAI KE ATAS PERBELANJAAN PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBAHARUAN PROJEK PELANCONGAN
LAMPIRAN 28	GALAKAN CUKAI BAGI PENGANJURAN LAWATAN INSENTIF, PERSIDANGAN DAN PAMERAN PERDAGANGAN BERTARAF ANTARABANGSA
LAMPIRAN 29	GALAKAN CUKAI BAGI PENGANJURAN AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN, SUKAN DAN REKREASI
LAMPIRAN 30	SEMAKAN SEMULA GALAKAN CUKAI MODAL TEROKA
LAMPIRAN 31	SEMAKAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PENAJAAN BIASISWA
LAMPIRAN 32	GALAKAN CUKAI BAGI LATIHAN PEKERJA JAGAAN
LAMPIRAN 33	SEMAKAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN
LAMPIRAN 34	LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN WARGA EMAS
LAMPIRAN 35	ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN BAGI PEMBELIAN PERALATAN PERANTI HAD LAJU UNTUK KENDERAAN BERAT
LAMPIRAN 36	SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS ROKOK
LAMPIRAN 37	SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS <i>CIGARS</i> , <i>CHEROOTS</i> DAN <i>CIGARILLOS</i>
LAMPIRAN 38	SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK <i>HEATED TOBACCO</i>
LAMPIRAN 39	SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PRODUK TERAPI GANTIAN NIKOTIN
LAMPIRAN 40	SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK MINUMAN KERAS

PELUASAN SKOP PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN PEMVAKSINAN

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu terhad sehingga RM1,000 diberi ke atas perbelanjaan pemvaksin bagi diri sendiri, suami / isteri atau anak meliputi pengambilan vaksin seperti berikut:

- i. *Pneumococcal*;
- ii. *Human papillomavirus* (HPV);
- iii. *Influenza*;
- iv. *Rotavirus*;
- v. *Varicella*;
- vi. *Meningococcal*;
- vii. *Tetanus, diphtheria, and acellular pertussis* (Tdap); dan
- viii. *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19).

Cadangan

Bagi terus menyokong aspirasi sistem kesihatan negara yang menekankan pencegahan berbanding rawatan dan menggalakkan rakyat untuk mengambil vaksin sebagai langkah awal dalam penjagaan kesihatan, dicadangkan jenis vaksin yang layak mendapat pelepasan cukai pendapatan individu diperluas untuk meliputi semua jenis vaksin yang diaftarkan dan diluluskan penggunaannya oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara, Kementerian Kesihatan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026.

**SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
BAGI BAYARAN YURAN TAMAN ASUHAN ATAU
TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,000 diberi ke atas yuran penghantaran anak berumur sehingga 6 tahun ke premis penjagaan anak yang layak seperti berikut:

- i. Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; atau
- ii. Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelepasan cukai tambahan sebanyak RM1,000 diberi secara bertempoh mulai tahun taksiran 2020 hingga 2027. Kedua-dua pelepasan ini boleh dituntut oleh salah seorang daripada ibu atau bapa kepada anak tersebut.

Cadangan

Bagi membantu ibu bapa bekerja yang memerlukan tempat jagaan dan pusat transit anak selepas tamat waktu persekolahan, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan yuran penghantaran anak disemak semula seperti berikut:

- i. pelepasan cukai tambahan secara bertempoh sebanyak RM1,000 dijadikan pelepasan kekal dan digabungkan dengan pelepasan kekal sedia ada sebanyak RM2,000, menjadikan jumlah pelepasan cukai yang boleh dituntut adalah sebanyak RM3,000; dan
- ii. premis penjagaan anak yang layak diperluas meliputi pusat jagaan harian atau pusat transit yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi anak berumur sehingga 12 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026.

**SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI PROGRAM
INTERVENSI AWAL ATAU RAWATAN PEMULIHAN
ANAK KURANG UPAYA PEMBELAJARAN**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM10,000 diberi ke atas pelbagai jenis perbelanjaan rawatan perubatan untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak termasuk pemeriksaan bagi pengesanan, program intervensi awal dan rawatan pemulihan berterusan untuk anak kurang upaya pembelajaran berumur 18 tahun dan ke bawah terhad sehingga RM6,000.

Cadangan

Bagi terus menyokong program intervensi awal dan rawatan pemulihan bagi anak kurang upaya pembelajaran, dicadangkan had pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan pemeriksaan bagi pengesanan, program intervensi awal dan rawatan pemulihan untuk anak berumur di bawah 18 tahun yang kurang upaya pembelajaran seperti *autism*, *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD), *global developmental delay* (GDD), *intellectual disability*, *down syndrome* dan *specific learning disabilities* dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM10,000.

Jumlah had pelepasan cukai pendapatan individu bagi pelbagai jenis perbelanjaan rawatan perubatan untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak kekal sehingga RM10,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026.

**SEMAKAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
KE ATAS BAYARAN PREMIUM INSURANS NYAWA, INSURANS PENDIDIKAN DAN
INSURANS PERUBATAN**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu diberikan ke atas:

- i. bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful hayat bagi diri sendiri, suami / isteri sehingga RM3,000; dan
- ii. bayaran premium insurans pendidikan dan insurans perubatan bagi diri sendiri, suami / isteri atau anak sehingga RM4,000.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pengambilan insurans nyawa atau sumbangan takaful hayat untuk anak, dicadangkan:

- i. skop pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 yang diberi ke atas bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful hayat bagi diri sendiri, suami / isteri diperluas untuk meliputi anak; dan
- ii. syarat dan kriteria anak yang diinsuranskan bagi tujuan tuntutan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful hayat, insurans pendidikan dan insurans perubatan, ditetapkan seperti berikut:
 - a. berumur di bawah 18 tahun dan belum berkahwin;
 - b. berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin serta sedang melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi; atau
 - c. tiada had umur bagi anak kurang upaya yang belum berkahwin.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026.

**PELUASAN SKOP PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
KE ATAS PERBELANJAAN BERKAITAN KELESTARIAN ALAM
DAN KESELAMATAN RUMAH**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu terhad sehingga RM2,500 diberi ke atas perbelanjaan berhubung kelestarian alam dalam kehidupan seharian seperti berikut:

- i. pembelian, sewaan dan bayaran pemasangan alat pengecasan kenderaan elektrik serta langganan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik. Pelepasan cukai diberi mulai tahun taksiran 2022 hingga 2027; dan
- ii. pembelian mesin kompos makanan bagi kegunaan isi rumah dengan syarat tuntutan dibenarkan sekali dalam tempoh 3 tahun taksiran. Pelepasan cukai diberi mulai tahun taksiran 2025 hingga 2027.

Cadangan

Bagi menggalakkan gaya hidup lestari dan selamat melalui penerapan teknologi mesra alam dan sistem keselamatan pintar, dicadangkan skop pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 yang diberi ke atas perbelanjaan bagi kemudahan pengecasan kenderaan elektrik dan pembelian mesin kompos sisa makanan diperluas bagi meliputi:

- i. mesin rincih sisa makanan (*food waste grinder*) untuk kegunaan isi rumah; dan
- ii. kamera litar tertutup (*Closed-Circuit Television* - CCTV) untuk kegunaan isi rumah.

Tuntutan pelepasan cukai bagi pembelian mesin rincih sisa makanan dan / atau CCTV dibenarkan sekali dalam tempoh 2 tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2026 dan 2027.

**PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KE ATAS PERBELANJAAN BAYARAN
FI KEMASUKAN KE PUSAT PELANCONGAN
DAN PROGRAM KEBUDAYAAN**

Kedudukan Semasa

Bagi merangsang pelancongan domestik yang terkesan dengan pandemik COVID-19, pelepasan cukai pendapatan individu terhad sehingga RM1,000 telah diberi mulai tahun taksiran 2020 hingga 2022 ke atas perbelanjaan berikut:

- i. bayaran penginapan di premis penginapan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC);
- ii. bayaran fi kemasukan ke tempat tarikan pelancong; dan
- iii. pembelian pakej pelancongan domestik melalui ejen berlesen yang berdaftar dengan MOTAC.

Cadangan

Bagi merencanakan aktiviti pelancongan domestik sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 diberi ke atas perbelanjaan bayaran fi kemasukan seperti berikut:

- i. pusat pelancongan seperti muzium, taman tema, taman negara, taman laut, zoo dan *geopark*; dan
- ii. program kebudayaan dan kesenian.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2026.

PENGENAAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS AGIHAN KEUNTUNGAN YANG DITERIMA OLEH PEKONGSI DALAM PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Kedudukan Semasa

Layanan cukai pendapatan bagi Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) adalah seperti berikut:

- i. pendapatan yang diterima oleh PLT dicukai mengikut kadar cukai korporat 15%, 17% dan 24%; dan
- ii. agihan keuntungan daripada PLT yang diterima oleh pekongsi dikecualikan cukai di bawah Perenggan 12C, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pekongsi yang menerima pendapatan selain agihan keuntungan daripada PLT seperti pendapatan penggajian tertakluk kepada cukai pendapatan individu mengikut kadar progresif.

Cadangan

Bagi menjadikan struktur cukai pendapatan individu lebih progresif dan seterusnya meluaskan asas cukai, dicadangkan agihan keuntungan daripada PLT yang diterima oleh pekongsi dikenakan cukai seperti berikut:

- i. Skop pengenaan cukai:
 - a. pendapatan dalam bentuk agihan keuntungan daripada PLT yang diterima oleh pekongsi individu; dan
 - b. pekongsi PLT individu terdiri daripada individu pemastautin dan bukan pemastautin.
- ii. Nilai ambang dan formula penentuan pendapatan bercukai:
 - a. pendapatan dalam bentuk agihan keuntungan yang melebihi RM100,000 setahun adalah tertakluk kepada dikenakan cukai; dan
 - b. formula penentuan pendapatan bercukai:

Jika pekongsi mempunyai pendapatan dalam bentuk agihan keuntungan daripada PLT dan lain-lain jenis pendapatan, penentuan pembahagian pendapatan boleh dikenakan cukai berdasarkan formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times C = D$$

- A = Agihan keuntungan yang diterima daripada PLT
(dianggap sebagai pendapatan berkanun pekongsi)
B = Pendapatan agregat pekongsi
C = Pendapatan pekongsi yang boleh dikenakan cukai
D = Pendapatan yang boleh dikenakan cukai dari agihan
keuntungan daripada PLT

iii. Kadar cukai:

Kadar 2% dikenakan ke atas pendapatan bercukai agihan keuntungan selepas mengambil kira pelepasan dan potongan cukai yang dibenarkan.

iv. Mekanisme bayaran cukai:

Pekongsi perlu melaporkan agihan keuntungan daripada PLT dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026.

SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN YANG DITERIMA DARI LUAR MALAYSIA

Kedudukan Semasa

Mulai 1 Januari 2022, cukai pendapatan dikenakan kepada pemastautin di Malaysia ke atas pendapatan yang terbit daripada sumber luar negara dan diterima di Malaysia (*Foreign Sourced Income* - FSI). Namun, pengecualian cukai diberi secara bertempoh ke atas FSI seperti berikut:

- i. dividen daripada pelaburan dan keuntungan daripada pelupusan aset modal di luar negara yang diterima oleh syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) pemastautin mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026;
- ii. pendapatan yang diterima oleh pembayar cukai individu kecuali perniagaan perkongsian mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2036; dan
- iii. pendapatan yang diterima oleh unit amanah mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

Cadangan

Bagi menyokong syarikat pemastautin Malaysia membuat pelaburan di luar negara dan menggalakkan aliran masuk wang ke dalam negara, dicadangkan:

- i. skop pengecualian cukai pendapatan ke atas dividen daripada pelaburan dan keuntungan daripada pelupusan aset modal di luar negara yang diterima oleh syarikat dan PLT pemastautin diperluas kepada koperasi dan badan amanah; dan
- ii. pengecualian cukai pendapatan ke atas dividen daripada pelaburan dan keuntungan daripada pelupusan aset modal di luar negara yang diterima oleh syarikat, PLT, koperasi dan badan amanah pemastautin serta FSI bagi unit amanah diberi untuk tempoh 4 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2027 hingga 31 Disember 2030.

SEMAKAN SEMULA POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN PENYENARAIAAN DI BURSA MALAYSIA

Kedudukan Semasa

Potongan cukai pendapatan sehingga RM1.5 juta diberi ke atas perbelanjaan penyenaraian dalam Bursa Malaysia di Pasaran Utama, Pasaran *Access, Certainty, Efficiency* (ACE) dan Pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP) yang dibuat oleh syarikat dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) berasaskan sektor teknologi seperti berikut:

- i. bayaran fi kepada Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- ii. bayaran fi profesional; dan
- iii. bayaran fi bagi penajajaminan, penempatan dan perkhidmatan pembrokeran.

Potongan cukai diberi mulai tahun taksiran 2023 hingga 2025.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan lebih banyak syarikat dan PMKS memanfaatkan Pasaran Utama, ACE atau LEAP dalam mendapatkan dana modal tambahan melalui penyenaraian di Bursa Malaysia serta menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga dan Strategi Semikonduktor Kebangsaan, dicadangkan potongan cukai sehingga RM1.5 juta ke atas perbelanjaan penyenaraian di pasaran tersebut yang diberi kepada syarikat dan PMKS berasaskan sektor teknologi disemak semula seperti berikut:

- i. potongan cukai diperluas kepada PMKS berasaskan sektor tenaga dan utiliti; dan
- ii. potongan cukai kepada syarikat berasaskan sektor teknologi serta PMKS berasaskan sektor teknologi, tenaga dan utiliti diberi untuk tempoh 5 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026 hingga 2030.

LANJUTAN PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN BAGI PERUSAHAAN SOSIAL

Kedudukan Semasa

Pengecualian cukai pendapatan diberi ke atas semua pendapatan Perusahaan Sosial (PS) yang mendapat akreditasi daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi tempoh 3 tahun taksiran berturut-turut. Pengecualian ini terpakai bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Bagi menyokong pembangunan keusahawanan sosial, menjana peluang pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan, dicadangkan tempoh permohonan pengecualian cukai pendapatan bagi PS dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS SKIM SUKUK PELABURAN MAMPAN DAN BERTANGGUNGJAWAB DAN GERAN BON

Kedudukan Semasa

Penerbit Sukuk Hijau Pelaburan Mampam dan Bertanggungjawab (*Sustainable and Responsible Investment* - SRI) layak memohon Geran Sukuk Hijau SRI yang disediakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menerusi Dana Pembangunan Pasaran Modal (*Capital Market Development Fund* - CMDF). Geran ini bertujuan membiayai perbelanjaan *external review* bagi penerbitan sukuk, terhad kepada 90% jumlah perbelanjaan dengan amaun maksimum geran sehingga RM300,000.

Pengecualian cukai pendapatan diberikan ke atas geran yang diterima oleh penerbit Sukuk Hijau SRI daripada SC, mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2025.

Geran Sukuk Hijau SRI telah dijenamakan semula sebagai Skim Sukuk SRI dan Geran Bon meliputi penerbitan instrumen kewangan yang diluluskan oleh SC seperti berikut:

- i. Sukuk SRI;
- ii. Sukuk SRI-Linked;
- iii. bon yang mencapai *ASEAN Green, Social and Sustainability Bond Standards*; dan
- iv. bon yang mencapai *ASEAN Sustainability-Linked Bond Standards*.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan penerbitan sukuk SRI dan bon yang mencapai standard hijau, sosial dan mampam di Malaysia, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas Skim Sukuk SRI dan Geran Bon yang diterima oleh penerbit sukuk dan bon daripada SC disemak semula seperti berikut:

- i. pemberian geran untuk perbelanjaan *external review* dinaikkan daripada 90% kepada 100% terhad kepada nilai maksimum geran sebanyak RM300,000;
- ii. instrumen kewangan di bawah Skim Sukuk SRI dan Geran Bon diperluas kepada sukuk dan bon yang mematuhi *ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance*; dan
- iii. tempoh pengecualian cukai pendapatan dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan Skim Sukuk SRI dan Geran Bon yang diterima oleh SC mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS SUMBANGAN BAGI PROGRAM / AKTIVITI INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

Kedudukan Semasa

Mulai tahun 2021, mana-mana pihak yang mempunyai pendapatan perniagaan layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas perbelanjaan yang dibuat bagi tujuan penganjuran program integriti dan pencegahan rasuah, tertakluk kepada syarat program:

- i. dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- ii. memberi manfaat kepada rakyat dan tidak menyentuh isu politik;
- iii. bukan bermotifkan keuntungan kepada syarikat dan tiada bayaran penyertaan dikenakan; dan
- iv. bukan aktiviti utama perniagaan dan dilaksanakan secara sukarela.

Potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan yang dibenarkan adalah bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dibuat.

Cadangan

Selaras dengan pelaksanaan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (*National Anti-Corruption Strategy* - NACS) 2024 – 2028 ke arah memupuk budaya pencegahan rasuah dalam organisasi serta menggalakkan penglibatan yang lebih meluas daripada masyarakat umum dalam memerangi rasuah, dicadangkan:

- i. program pendidikan pencegahan rasuah anjuran Pertubuhan Masyarakat Sivil (*Civil Society Organisation* - CSO) diluluskan sebagai projek berkepentingan nasional selaras dengan Seksyen 44(11C) ACP 1967 tertakluk kepada syarat program / aktiviti:
 - a. diiktiraf oleh SPRM;
 - b. memberi manfaat kepada masyarakat umum dan tidak menyentuh isu sensitif seperti politik, perkauman dan keagamaan;
 - c. bukan bermotifkan keuntungan dan tidak melibatkan kutipan bayaran penyertaan; dan

- d. dilaksanakan dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.
- ii. sumbangan tunai kepada program pendidikan pencegahan rasuah yang diluluskan dan dianjurkan oleh CSO layak mendapat potongan cukai pendapatan bersamaan dengan amaun sumbangan yang dibuat dan terhad sehingga 10% daripada pendapatan agregat.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

LAYANAN CUKAI BAGI SUMBANGAN ENDOWMEN HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI AWAM

Kedudukan Semasa

Tabung endowmen yang ditubuhkan oleh universiti awam layak mendapat layanan cukai di bawah Seksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Universiti awam yang layak adalah seperti berikut:

- i. universiti awam di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan
- ii. Universiti Teknologi MARA di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976.

Penubuhan tabung endowmen universiti awam tertakluk kepada syarat berikut:

- i. sumbangan dalam bentuk tunai sahaja;
- ii. jumlah sumbangan diterima hendaklah dikekalkan; dan
- iii. hanya faedah atau pulangan boleh digunakan mengikut objektif penubuhan.

Layanan cukai yang diberikan kepada tabung endowmen adalah seperti berikut:

- i. penderma layak mendapat potongan cukai bersamaan dengan jumlah sumbangan tertakluk kepada had maksimum 10% daripada pendapatan agregat; dan
- ii. sumbangan endowmen yang diterima termasuk pendapatan yang dijana adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi memastikan hospital pengajar universiti awam mempunyai sumber kewangan yang mampan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, dicadangkan hospital pengajar universiti awam dibenar menubuhkan tabung endowmen di mana sumbangan tunai kepada tabung endowmen diberi potongan cukai di bawah Seksyen 44(11D) ACP 1967, tertakluk kepada syarat tabung tersebut dikawalselia dan diurus sepenuhnya oleh hospital pengajar universiti awam berdasarkan garis panduan yang akan ditetapkan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026.

SEMAKAN SEMULA DUTI SETEM BAGI PEMILIKAN RUMAH KEDIAMAN OLEH BUKAN WARGANEGARA

Kedudukan Semasa

Duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan oleh individu bukan warganegara (tidak termasuk pemastautin tetap Malaysia) dan syarikat asing dikenakan pada kadar tetap 4% di bawah Butiran 32(aa), Jadual Pertama, Akta Setem 1949.

Cadangan

Bagi memantapkan lagi struktur kadar duti setem dan sebagai mekanisme kawalan harga harta tanah, dicadangkan kadar tetap duti setem ke atas surat cara pindah milik rumah kediaman yang disempurnakan oleh individu bukan warganegara (tidak termasuk pemastautin tetap Malaysia) dan syarikat asing dinaikkan daripada 4% kepada 8%.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara pindah milik rumah kediaman yang disempurnakan mulai 1 Januari 2026.

LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti setem 100% diberi ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman pertama oleh warganegara yang berharga sehingga RM500,000.

Pengecualian ini terpakai bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Bagi terus menyokong pemilikan rumah kediaman pertama oleh warganegara Malaysia khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, dicadangkan pengecualian duti setem 100% ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman pertama berharga sehingga RM500,000 dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027.

LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PRODUK PERLINDUNGAN TENANG

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti setem 100% diberi ke atas polisi insurans dan sijil takaful bagi produk Perlindungan Tenang yang meliputi insurans / takaful keluarga, nyawa dan am dengan nilai premium atau sumbangan tidak melebihi RM150.

Pengecualian ini terpakai bagi polisi insurans dan sijil takaful yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan lebih ramai golongan berpendapatan rendah dan sederhana mendapatkan perlindungan melalui produk insurans dan takaful mampu milik, dicadangkan pengecualian duti setem 100% ke atas polisi insurans dan sijil takaful bagi semua produk Perlindungan Tenang dilanjutkan untuk 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi polisi insurans dan sijil takaful produk Perlindungan Tenang yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

**LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS POLISI INSURANS
ATAU SIJIL TAKAFUL DENGAN PREMIUM / SUMBANGAN
TAHUNAN BERNILAI KECIL**

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti setem 100% diberi ke atas polisi insurans atau sijil takaful dengan premium atau sumbangan tahunan bernilai kecil bagi:

- i. pembelian polisi insurans atau sijil takaful dengan nilai premium atau sumbangan tahunan tidak melebihi RM150 oleh individu; dan
- ii. pembelian polisi insurans atau sijil takaful dengan nilai premium atau sumbangan tahunan tidak melebihi RM250 oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Jenis polisi insurans atau sijil takaful yang dikecualikan duti setem meliputi insurans atau takaful liabiliti, kebakaran, perjalanan, kejuruteraan, kemalangan diri dan gangguan perniagaan akibat kebakaran.

Pengecualian ini terpakai ke atas polisi insurans atau sijil takaful yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Bagi menggalakkan lebih ramai individu dan PMKS mendapatkan perlindungan asas insurans atau takaful dalam menghadapi risiko seperti kebakaran, perjalanan dan kemalangan diri, dicadangkan pengecualian duti setem 100% ke atas polisi insurans atau sijil takaful dengan nilai premium atau sumbangan tahunan bernilai kecil dilanjutkan untuk 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi polisi insurans atau sijil takaful yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS NOTA KONTRAK BAGI TRANSAKSI PEMBELIAN WARAN BERSTRUKTUR

Kedudukan Semasa

Waran berstruktur merupakan instrumen pelaburan yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang layak dan disenaraikan di Bursa Malaysia, yang memberi peluang kepada pelabur untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan dan berpotensi menjana keuntungan optimum dengan modal pelaburan yang kecil. Waran berstruktur diterbitkan berasaskan aset pendasar (*underlying asset*) seperti saham, *Exchange Traded Fund* (ETF) atau indeks. Waran berstruktur memberikan pemegang hak untuk membeli atau menjual aset asas pada harga dan tempoh yang ditetapkan.

Nota kontrak bagi transaksi penjualan dan pembelian waran berstruktur tertakluk kepada duti setem di bawah Butiran 31(b), Jadual Pertama, Akta Setem 1949 pada kadar 0.1% dengan jumlah maksimum duti setem yang dikenakan adalah sebanyak RM200 bagi setiap nota kontrak.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pertumbuhan pasaran modal dan meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat serantau, dicadangkan pengecualian duti setem diberi ke atas nota kontrak bagi transaksi pembelian waran berstruktur untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi transaksi pembelian waran berstruktur yang dibuat mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

**LANJUTAN PENGECCUALIAN DUTI SETEM KE ATAS NOTA KONTRAK
BAGI TRANSAKSI JUAL BELI DANA DAGANGAN BURSA MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Pengeccualian duti setem diberi ke atas nota kontrak bagi transaksi jual beli Dana Dagangan Bursa (*Exchange Traded Fund* - ETF) yang dibuat mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Bagi terus meningkatkan daya saing pasaran modal Malaysia serta menggalakkan pelaburan alternatif yang menawarkan kos yang lebih efisien dan telus, dicadangkan pengeccualian duti setem ke atas nota kontrak bagi transaksi jual beli ETF dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi transaksi jual beli ETF yang dibuat mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028.

SEMAKAN SEMULA NILAI AMBANG GAJI BAGI PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS KONTRAK PENGGAJIAN

Kedudukan Semasa

Kontrak penggajian adalah tertakluk kepada kenaan duti setem sebanyak RM10 di bawah Butiran 4, Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Kontrak penggajian yang melibatkan gaji bulanan tidak melebihi RM300 sebulan dikecualikan daripada kenaan duti setem.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan melibatkan kontrak penggajian, dicadangkan nilai ambang gaji bagi kontrak penggajian yang dikecualikan daripada kenaan duti setem dinaikkan daripada RM300 kepada RM3,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi kontrak penggajian yang disempurnakan mulai 1 Januari 2026.

ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN KE ATAS PERBELANJAAN MODAL BAGI LOJI, JENTERA DAN PERALATAN ICT

Kedudukan Semasa

Syarikat boleh menuntut Elaun Modal ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan bagi tujuan perniagaan di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Jenis Aset	Elaun Permulaan (%)	Elaun Tahunan (%)
Kenderaan Motor, Jentera Berat	20	20
Loji dan Jentera Am	20	14
Lain-lain	20	10
Kelengkapan ICT dan Perisian Komputer	40	20

Cadangan

Bagi terus membantu merancakkan pelaburan langsung domestik dan mempercepat proses adaptasi aplikasi teknologi digital perniagaan, dicadangkan Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) diberi ke atas perbelanjaan modal yang layak untuk dituntut sepenuhnya oleh syarikat dalam tempoh 2 tahun seperti berikut:

Bil.	Perbelanjaan yang Layak	Kadar Elaun Modal
1.	Jentera Berat yang diperoleh secara langsung daripada pengeluaran tempatan	Elaun Permulaan: 20% Elaun Tahunan: 40%
2.	Loji dan Jentera Am yang diperoleh secara langsung daripada pengeluaran tempatan	
3.	Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer	
4.	Fi perundingan, pelesenan dan bayaran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer secara khusus (<i>customised</i>)	

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perbelanjaan modal layak yang dilakukan mulai 11 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2026.

GALAKAN CUKAI BAGI PROJEK KETERJAMINAN MAKANAN

Kedudukan Semasa

Melalui Belanjawan 2023, galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan diberi seperti berikut:

Syarikat Yang Layak	Galakan Cukai
Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan projek baharu pengeluaran bahan makanan.	Potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dalam tahun asas pelaburan dibuat.
Syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan.	i. Projek baharu diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun taksiran; atau ii. Projek pembesaran bagi syarikat sedia ada diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun taksiran.

Galakan cukai ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Galakan Cukai Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan dijenamakan semula kepada Galakan Cukai Bagi Projek Keterjaminan Makanan. Bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan negara terus berada pada tahap yang mampan melalui penglibatan lebih ramai pemain industri dalam sektor pertanian, dicadangkan syarikat yang melaksanakan projek keterjaminan makanan diberi galakan cukai seperti berikut:

Syarikat Yang Layak	Galakan Cukai
Syarikat yang menjalankan projek baharu.	i. Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun taksiran; dan ii. Pengecualian diberi ke atas pendapatan yang dijana daripada jualan di pasaran domestik.
Syarikat sedia ada yang membuat projek pembesaran.	i. Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 5 tahun taksiran; dan ii. Pengecualian diberi ke atas pendapatan yang dijana daripada jualan di pasaran domestik.

Tempoh permohonan galakan cukai diberi untuk 5 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan diterima oleh KPKM mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2030.

GALAKAN CUKAI AUTOMASI SEKTOR PERTANIAN**Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi aktiviti penternakan haiwan secara sistem ladang / reban tertutup diberikan seperti berikut:

i. Galakan Cukai Bagi Penternakan Ayam Secara Sistem Reban Tertutup

Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dan 100% pengecualian cukai pendapatan ke atas perbelanjaan modal yang sama diberi bagi penternakan ayam secara sistem reban tertutup untuk permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025; dan

ii. Galakan Cukai Automasi Sektor Pertanian

ACA sebanyak 100% ke atas RM10 juta pertama perbelanjaan modal yang layak dan pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% ke atas perbelanjaan modal yang sama diberi untuk aktiviti penanaman, penternakan, apikultur, akuakultur dan perikanan tangkapan bagi permohonan yang diterima oleh KPKM mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

Cadangan

Bagi memastikan kesinambungan ke atas pemberian galakan cukai bagi penternakan ayam secara sistem reban tertutup dan menyeragamkan insentif percukaian dalam sektor penternakan, dicadangkan Galakan Cukai Automasi Sektor Pertanian diperluas kepada penternakan ayam secara sistem reban tertutup.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh KPKM mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027.

GALAKAN CUKAI BAGI LATIHAN BIDANG KECERDASAN BUATAN

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan latihan kepada pekerja yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti perniagaan syarikat, layak dituntut potongan cukai di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Syarikat juga layak menuntut potongan cukai tambahan bagi perbelanjaan latihan yang diluluskan bagi aktiviti perkilangan dan bukan perkilangan termasuk industri perhotelan serta pelancongan. Syarikat yang membuat caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) tidak layak untuk menuntut potongan cukai tambahan.

Cadangan

Bagi menggalakkan penerapan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam perniagaan, dicadangkan perbelanjaan kos latihan dalam bidang AI yang diiktiraf oleh *MyMahir National AI Council for Industry* (NAICI) yang ditanggung oleh PMKS, termasuk yang mencarum ke KWPSM, diberi potongan cukai tambahan 50% terhad kepada sekali dalam tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima TalentCorp mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PENGKOMERSIALAN HASIL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Kedudukan Semasa

Melalui Bajet 2013, potongan cukai diberi kepada syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang mengkomersialkan penemuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berasaskan bukan sumber oleh institusi penyelidikan awam dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tempoh 5 tahun mulai 29 September 2012 hingga 31 Disember 2017.

Galakan ini diperkenal semula dalam Belanjawan 2021 dan diperluas kepada aktiviti pengkomersialan hasil R&D oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi tempoh 5 tahun mulai 7 November 2020 hingga 31 Disember 2025.

Cadangan

Bagi meningkatkan produktiviti dan memacu daya saing negara, dicadangkan potongan cukai kepada syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang mengkomersialkan hasil R&D bukan sumber oleh institusi penyelidikan awam, IPTA atau IPTS dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2030.

GALAKAN CUKAI KEPADA PENGENDALI PELANCONGAN**Kedudukan Semasa**

Syarikat pengendali pelancongan telah diberi pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan seperti berikut:

- i. pakej pelancongan dalam Malaysia disertai oleh tidak kurang daripada 1,500 pelancong tempatan setiap tahun; dan
- ii. pakej pelancongan ke Malaysia disertai oleh tidak kurang daripada 750 pelancong asing setiap tahun.

Galakan ini diberi mulai tahun taksiran 2007 hingga 2020.

Bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19 ke atas sektor pelancongan, galakan ini disemak semula seperti berikut:

- i. pakej pelancongan dalam Malaysia disertai oleh sekurang-kurangnya 200 pelancong tempatan setahun dengan tiada syarat minimum pelancong asing bagi pakej pelancongan ke Malaysia; dan
- ii. tempoh pengecualian dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2022.

Cadangan

Bagi memberi galakan kepada syarikat pengendali pelancongan untuk merancang aktiviti pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, dicadangkan syarikat pengendali pelancongan diberi pengecualian cukai 100% ke atas nilai peningkatan pendapatan daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan ke Malaysia tertakluk kepada:

- i. pakej pelancongan ke Malaysia disertai sekurang-kurangnya 1,000 pelancong asing setahun; dan
- ii. nilai peningkatan pendapatan adalah perbezaan antara nilai pendapatan perniagaan yang layak daripada pengendalian pakej pelancongan ke Malaysia dalam tempoh asas itu dan tempoh sebelum tempoh asas itu.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2026 dan 2027.

POTONGAN CUKAI KE ATAS PERBELANJAAN PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBAHARUAN PROJEK PELANCONGAN

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan pengubahsuaian dan pembaharuan premis perniagaan tidak dibenarkan sebagai potongan cukai di bawah Seksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cadangan

Bagi menggalakkan pengusaha projek pelancongan menaik taraf dan memperbaharui premis perniagaan dalam meningkatkan kualiti produk pelancongan tempatan sempena penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026, dicadangkan pengusaha projek pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, yang melakukan pengubahsuaian dan pembaharuan premis perniagaan diberi potongan cukai ke atas perbelanjaan layak sehingga RM500,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perbelanjaan layak yang dilakukan dalam tempoh mulai 11 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2027.

GALAKAN CUKAI BAGI PENGANJURAN LAWATAN INSENTIF, PERSIDANGAN DAN PAMERAN PERDAGANGAN BERTARAF ANTARABANGSA

Kedudukan Semasa

Syarikat yang mempromosi dan menganjur persidangan diberi pengecualian cukai pendapatan seperti berikut:

Entiti	Galakan Cukai
Syarikat, persatuan atau organisasi di Malaysia yang aktiviti utamanya adalah untuk mempromosi dan menganjur persidangan.	i. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun tertakluk kepada syarat penyertaan sekurang-kurangnya 500 peserta luar negara setiap tahun. ii. Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1997.
Mana-mana entiti yang aktiviti utamanya selain daripada mempromosi dan menganjur persidangan.	i. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun tertakluk kepada syarat penyertaan sekurang-kurangnya 500 peserta luar negara setiap tahun. ii. Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 hingga 2025.

Cadangan

Bagi menggalakkan lawatan insentif, persidangan atau pameran perdagangan (MICE) bertaraf antarabangsa sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, dicadangkan galakan cukai disemak semula seperti berikut:

- i. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun bagi penganjur yang disahkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) tertakluk kepada syarat berikut:
 - a. sekurang-kurangnya 1,500 peserta luar negara setahun bagi lawatan insentif; atau
 - b. sekurang-kurangnya 2,000 peserta luar negara setahun bagi persidangan; atau

- c. sekurang-kurangnya 3,000 peserta luar negara setahun bagi pameran perdagangan.
- ii. galakan cukai dilanjutkan untuk 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2026 dan 2027.

GALAKAN CUKAI BAGI PENGANJURAN AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN, SUKAN DAN REKREASI

Kedudukan Semasa

Pengecualian cukai pendapatan 50% ke atas pendapatan berkanun bagi penganjuran aktiviti yang diluluskan diberi kepada penganjur seperti berikut:

- i. aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan dianjurkan di Istana Budaya, Balai Seni Visual Negara atau Dewan Filharmonik Petronas; dan
- ii. pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Galakan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 hingga 2025.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan penganjuran aktiviti kesenian, kebudayaan, pelancongan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, dicadangkan galakan cukai kepada penganjur disemak semula seperti berikut:

- i. skop diperluas kepada aktiviti pelancongan yang diluluskan MOTAC (tidak termasuk persembahan konsert);
- ii. lokasi aktiviti kesenian, kebudayaan dan pelancongan diperluas kepada mana-mana lokasi di Malaysia yang diluluskan MOTAC;
- iii. pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan KBS; dan
- iv. galakan cukai dilanjutkan untuk 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2026 dan 2027.

SEMAKAN SEMULA GALAKAN CUKAI MODAL TEROKA

Kedudukan Semasa

Galakan cukai modal teroka diberi seperti berikut:

- i. Syarikat Modal Teroka (VCC)
 - a. Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun daripada semua punca pendapatan kecuali pendapatan faedah daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada deposit patuh Shariah; dan
 - b. Pengecualian diberi untuk tempoh 5 tahun taksiran mulai tarikh perakuan pertama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi pelaburan yang dibuat dalam syarikat teroka (VC). VCC perlu melabur sekurang-kurangnya 50% dana di peringkat pembiayaan *seed capital*, *start up* dan *early stage*. VCC dan VC adalah bukan syarikat berkaitan semasa pelaburan dibuat.

VCC perlu diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.

- ii. Syarikat Pengurusan Modal Teroka (VCMC)

Pengecualian cukai pendapatan ke atas bahagian keuntungan, fi pengurusan dan fi prestasi yang diterima daripada VCC.

- iii. Pelaburan dalam VCC

Syarikat atau individu dengan pendapatan perniagaan yang melabur ke dalam dana VCC diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan yang dibuat dalam VCC, terhad kepada maksimum RM20 juta.

- iv. Pelaburan dalam VC

Syarikat atau individu dengan pendapatan perniagaan yang membuat pelaburan dalam VC diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan dalam VC.

VCC perlu berdaftar dengan SC selewat-lewatnya 31 Disember 2023 manakala perakuan pertama oleh SC perlu diperoleh selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pelaburan oleh VCC, galakan cukai modal teroka dikaji semula seperti berikut:

i. Syarikat Modal Teroka

- a. Kadar cukai korporat 5% ke atas semua pendapatan VCC kecuali pendapatan faedah / keuntungan daripada simpanan / simpanan tetap / deposit. VCC perlu melabur sekurang-kurangnya 20% dana dalam syarikat teroka tempatan; dan
- b. Galakan cukai adalah untuk tempoh 10 tahun atau mengikut baki hayat dana, mulai dari tahun VCC mendapat perakuan pertama daripada SC. Perakuan pertama oleh SC hendaklah selewat-lewatnya pada 31 Disember 2035.

Galakan cukai ini diperluas kepada entiti yang diperbadankan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2010 yang memilih untuk dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

ii. Syarikat Pengurusan Modal Teroka (VCMC)

Kadar cukai 10% ke atas pendapatan bahagian keuntungan, fi pengurusan dan fi prestasi mulai tahun taksiran 2025 hingga 2035.

iii. Pemegang Saham Individu VCC

Pengecualian cukai ke atas dividen yang dibayar, dikredit atau diagihkan kepada pemegang saham individu pada peringkat pertama mulai tahun taksiran 2025 hingga 2035.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2025.

SEMAKAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PENAJAAN BIASISWA

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menaja biasiswa kepada pelajar yang melanjutkan latihan kemahiran Teknikal dan Vokasional serta pengajian tinggi di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah layak diberi potongan cukai dua kali tertakluk kepada kriteria pelajar seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. mengikuti pengajian sepenuh masa;
- iii. tidak mempunyai pendapatan; dan
- iv. jumlah pendapatan isi rumah ibu bapa / penjaga pelajar tidak melebihi RM10,000 sebulan.

Cadangan

Bagi meningkatkan akses kepada lebih ramai pelajar untuk melanjutkan latihan kemahiran Teknikal dan Vokasional serta pengajian tinggi, galakan cukai bagi syarikat yang menaja biasiswa disemak semula seperti berikut:

- i. potongan cukai dua kali diberi kepada syarikat yang menaja biasiswa kepada pelajar di peringkat Sijil Teknik Vokasional / Diploma / Ijazah Sarjana Muda;
- ii. skop potongan cukai dua kali diperluas meliputi kursus pensijilan profesional yang layak;
- iii. syarat pendapatan isi rumah ibu bapa / penjaga pelajar dinaikkan kepada tidak melebihi RM15,000 sebulan; dan
- iv. tempoh galakan cukai dilanjutkan untuk 5 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026 hingga 2030.

GALAKAN CUKAI BAGI LATIHAN PEKERJA JAGAAN

Kedudukan Semasa

Potongan cukai dua kali diberi ke atas perbelanjaan syarikat yang menaja latihan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan bukan merupakan pekerja syarikat tersebut.

Cadangan

Bagi memenuhi keperluan penjagaan berkualiti untuk warga emas, kanak-kanak dengan keperluan khas dan OKU, dicadangkan skop potongan cukai dua kali bagi syarikat yang menaja latihan bagi OKU diperluas kepada penajaan pekerja jagaan (*care worker*) yang mengikuti program di institusi latihan yang diiktiraf oleh KPWKM. Pekerja jagaan yang ditaja bukan merupakan pekerja syarikat tersebut.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2026 dan 2027.

SEMAKAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN

Kedudukan Semasa

Melalui Belanjawan 2019, potongan cukai tambahan diberi kepada majikan yang menggaji bekas banduan. Skop galakan cukai diperluas meliputi bekas penagih dadah serta banduan yang dikategorikan sebagai Orang DiParol (ODP) dan Orang DiSelia (ODS). Potongan cukai ini terus ditambah baik dalam Belanjawan 2023 untuk meliputi kos penggajian yang dibayar kepada penghuni dan bekas penghuni:

- i. Sekolah Henry Gurney di bawah Jabatan Penjara Malaysia; dan
- ii. pusat perlindungan dan pemulihan serta pusat jagaan bukan Kerajaan yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Potongan cukai diberi hingga tahun taksiran 2025.

Cadangan

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 yang menyasarkan penyediaan peluang pekerjaan tanpa menyisihkan mana-mana orang serta membantu golongan rentan untuk menjana pendapatan tetap bagi kelangsungan hidup, dicadangkan galakan cukai disemak semula seperti berikut:

- i. diperluas kepada Orang Bebas Berlesen (OBL) di bawah Akta Penjara 1995 serta penagih / penyalah guna dadah dan bahan yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di bawah Akta Penagih dan Penyalah Guna Dadah dan Bahan (Rawatan dan Pemulihan) 1983; dan
- ii. tempoh galakan cukai diberi untuk 5 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026 hingga 2030.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN WARGA EMAS

Kedudukan Semasa

Melalui Belanjawan 2019, potongan cukai tambahan diberi kepada majikan yang menggaji warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas tertakluk kepada syarat berikut:

- i. pekerja diambil bekerja sepenuh masa;
- ii. saraan bulanan tidak melebihi RM4,000;
- iii. majikan dan pekerja bukanlah individu yang sama; dan
- iv. pekerja tidak mempunyai ikatan persaudaraan dengan majikan.

Galakan cukai diberi hingga tahun taksiran 2025.

Cadangan

Bagi memastikan warga emas terus aktif dan mencapai kemandirian kewangan serta terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, dicadangkan potongan cukai tambahan kepada syarikat yang menggaji warga emas dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2026 hingga 2030.

ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN BAGI PEMBELIAN PERALATAN PERANTI HAD LAJU UNTUK KENDERAAN BERAT

Kedudukan Semasa

Kerajaan telah mengumumkan penguatkuasaan penggunaan *Speed Limitation Device* (SLD) ke atas kenderaan perdagangan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya serta mengurangkan risiko kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat. SLD adalah peranti yang dipasang pada kenderaan untuk mengehadkan kelajuan maksimum kenderaan yang dikawal melalui *Engine Control Unit* (ECU) atau sistem lain yang berkaitan di dalam kenderaan.

Penguatkuasaan pemasangan peranti SLD ke atas kenderaan berat dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- Fasa 1: Pengesahan kefungisian SLD bagi kenderaan berat yang dikeluarkan selepas 1 Januari 2015 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2025.
- Fasa 2: Pengaktifan SLD dalam ECU bagi kenderaan berat yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2015 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.
- Fasa 3: Pemasangan peranti SLD secara *retrofit* bagi kenderaan berat yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2015 yang tidak dilengkapi dengan sistem SLD berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026.

Pembelian peranti SLD layak diberi Elaun Modal (CA) di bawah Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967, bagi kategori Lain-lain Aset dengan Elaun Permulaan sebanyak 20% dan Elaun Tahunan 10%.

Cadangan

Bagi menyokong usaha mengurangkan kemalangan jalan raya melalui pemasangan peranti SLD ke atas kenderaan berat, dicadangkan Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) diberi ke atas perbelanjaan pembelian peranti SLD sehingga RM4,000 seunit tertakluk kepada perkara berikut:

- i. pemasangan SLD secara *retrofit* yang disahkan oleh Badan Pengesah yang diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.
- ii. pemasangan SLD adalah bagi kenderaan berat yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2015 tetapi tidak dilengkapi dengan peranti SLD bagi kategori berikut:

- a. kenderaan barangan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 3,500 kg; dan
 - b. kenderaan penumpang dengan BDM melebihi 5,000 kg dan melebihi 8 penumpang.
- iii. ACA ini tidak terpakai untuk penggantian SLD.

ACA layak dituntut sepenuhnya dalam tempoh setahun dengan Elaun Permulaan sebanyak 20% dan Elaun Tahunan 80%.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi pemasangan SLD mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.

SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKS AIS KE ATAS ROKOK

Kedudukan Semasa

Rokok dikenakan duti import, duti eksais dan cukai jualan seperti berikut:

Kod Tarif	Duti Import	Duti Eksais	Cukai Jualan
2402.20.2000	20 sen per batang @ RM4 per paket	40 sen per batang @ RM8 per paket	10%
2402.20.9000			
2402.90.2000			

Nota: Satu paket mengandungi 20 batang rokok.

Cadangan

Selaras dengan komitmen Malaysia sebagai negara anggota kepada *World Health Organisation (WHO) Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* dan sebagai usaha mengurangkan penggunaan produk merokok demi kesejahteraan rakyat, dicadangkan kadar duti eksais rokok dinaikkan secara berfasa yang dimulai dengan kenaikan sebanyak 2 sen per batang atau 40 sen per paket.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 November 2025.

SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKS AIS KE ATAS CIGARS, CHEROOTS DAN CIGARILLOS

Kedudukan Semasa

Cigars, *cheroots* dan *cigarillos* dikenakan duti import, duti eksais dan cukai jualan seperti berikut:

Kod Tarif	Duti Import	Duti Eksais	Cukai Jualan
2402.10.0000	RM200 per kilogram	RM400 per kilogram	10%
2402.90.1000			

Cadangan

Selaras dengan komitmen Malaysia sebagai negara anggota kepada *World Health Organisation (WHO) Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* dan sebagai usaha mengurangkan penggunaan produk merokok demi kesejahteraan rakyat, dicadangkan kadar duti eksais ke atas *cigars*, *cheroots* dan *cigarillos* dinaikkan secara berfasa yang dimulai dengan kenaikan sebanyak RM40 per kilogram.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 November 2025.

SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK *HEATED TOBACCO*

Kedudukan Semasa

Produk *heated tobacco* dikenakan duti import, duti eksais dan cukai jualan seperti berikut:

Kod Tarif	Duti Import	Duti Eksais	Cukai Jualan
2404.11.0000	5% + RM50 per kilogram	RM778 per kilogram kandungan tembakau	10%

Cadangan

Selaras dengan komitmen Malaysia sebagai negara anggota kepada *World Health Organisation (WHO) Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* dan sebagai usaha mengurangkan penggunaan produk merokok demi kesejahteraan rakyat, dicadangkan kadar duti eksais ke atas produk *heated tobacco* dinaikkan secara berfasa yang dimulai dengan kenaikan sebanyak RM20 per kilogram kandungan tembakau.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 November 2025.

SEMAKAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PRODUK TERAPI GANTIAN NIKOTIN

Kedudukan Semasa

Produk terapi gantian nikotin (*Nicotine Replacement Therapy* - NRT) dikenakan duti import dan cukai jualan pada kadar seperti berikut:

Produk	Kod Tarif	Duti Import	Cukai Jualan
<i>Nicotine Gum</i>	2404.91.1000	15%	5%
<i>Nicotine Patch</i>	2404.92.1000	0%	10%
<i>Nicotine Mist</i>	2404.91.9000	15%	5%
<i>Nicotine Lozenges</i>			

Pengecualian duti import dan cukai jualan bagi *nicotine gum* dan *nicotine patch* diberi mulai 1 April 2023 hingga 31 Mac 2026.

Cadangan

Bagi terus menyokong pelaksanaan program mQuit dan *Lung Health Initiative* oleh Kementerian Kesihatan serta selaras dengan komitmen Malaysia sebagai negara anggota kepada *World Health Organisation (WHO) Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* bagi menyediakan rawatan berhenti merokok, dicadangkan seperti berikut:

- i. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas *nicotine gum* dan *nicotine patch* dilanjutkan hingga 31 Disember 2027; dan
- ii. skop pengecualian produk NRT diperluas kepada *nicotine mist* dan *nicotine lozenges* mulai 11 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2027.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 11 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2027.

SEMAKAN SEMULA KADAR DUTI EKSAIS KE ATAS PRODUK MINUMAN KERAS

Kedudukan Semasa

Produk minuman keras dikenakan duti eksais pada kadar seperti berikut:

Keterangan Produk	Kod Tariff	Kadar Duti Eksais (RM) (per 100% vol. per liter)
<i>Beer</i>	22.03	175.00
<i>Sparkling wine</i>	2204.10.000	450.00
<i>Other wine, grape must, other grape must, vermouth, brandy, whiskies, rum, gin and geneva, vodka</i>	2204.21, 2204.22, 2204.29, 2204.30, 22.05, 2208.20, 2208.30, 2208.40.0000, 2208.50.0000, 2208.60.0000	150.00
<i>Cider and perry, sake, shandy, wine (vegetable & fruit juice), other rice wine, liqueurs and cordials, arrack or pineapple spirit</i>	2206.00.1000, 2206.00.2000, 2206.00.4100, 2206.00.4900, 2206.00.6000, 2206.00.9100, 2208.70.1000, 2208.70.9000, 2208.90.5000, 2208.90.6000, 2208.90.9100, 2208.90.9900	60.00
<i>Samsu (including medicated samsu)</i>	2208.90.1000, 2208.90.2000, 2208.90.3000, 2208.90.4000	60.00
<i>Coconut palm toddy, mead, bitters</i>	2206.00.3100, 2206.00.3900, 2206.00.5000, 2206.00.9900, 2208.90.7000, 2208.90.8000	40.00
<i>Undenatured ethyl alcohol</i>	2207.10.0000	22.50 dan 15%
<i>Ethyl alcohol and other spirits</i>	2207.20	1.10 dan 15%

Cadangan

Bagi mengurangkan akses kepada minuman beralkohol dan menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat, dicadangkan kadar duti eksais bagi produk minuman keras dinaikkan sebanyak 10%.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 November 2025.

